


IQRA'

BIL. 5/2025
MEI



SIDANG REDAKSI



PENASIHAT
Ts. Hj. Azizi Bin Hj Jantan



EDITOR
Pn. Shahidatul Akhmam Rambeli



PENYELARAS
Pn. Asmah binti Sabtu



REKA BENTUK GRAFIK
En. Muhammad Hazhar B Abd Aziz

Shah Alam	: Asmah Sabtu, Norazlin Mohd. Yusof, Nor Hafizah Md. Hanafiah, Rizana Mohd Radwan, Hanani Rojikin
Melaka	: Hazlin Ibrahim Khan, Siti Haidah Md Aziz, Ilya Nur Fateen Othman
Perlis	: Khairil Izwan Hasan
Sabah	: Marlia Yuming, Alfera Zurhain Sairin
Kedah	: Mohd Amiruddin Mohd Nasir
Pulau Pinang	: Nor Azilawati Mohamad Azmi, Nurhayati Hassan
Kelantan	: Norfitriah Mat Seman, Rosmariyati Ab Rahman
Perak	: Muhamad Azim A'nsori, Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Hapsah Suut, Dyg Azimah Abg Yusof, Normah Saadie
Pahang	: Muniratul Husna Mohamad Zaki, Mohd Anwar Hassim
Terengganu	: Mohd Shahnizam Mat Zain, Asmahani Abdullah, Nurmaisari Che Anuar
Johor	: Siti Rozana Mat Sanat, Nor Azelea Mohd Azahar
N. Sembilan	: Syaiful Hisyam Saleh, Mohd Hafiz Kasirun, Muhammad Syafiq Amirullah
Selangor	: Hafiza Mustape, Nur Fatihah Muhamad, Fatin Hanisah Ahmmad Rofee, Wan Rohani Wan Chin, Norliza Othman, Adi Azri Mohamad, Suzana Ishak, Nurkhairunisa Jaafar

KEKERAPAN KELUARAN: 12 KELUARAN SETIAP TAHUN

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

Program Sulam Antarabangsa: Perkongsian Ilmu Dan Kemahiran Maklumat Antara Mahasiswa Diploma Informatik Perpustakaan Fakulti Sains Maklumat UiTM Cawangan Kedah Dan Universitas Airlangga (UNAIR) Indonesia Dengan Kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB), UiTM Cawangan Kedah

Disediakan oleh: Muhamad Azrul Ayob, Pembantu Pustakawan Tertinggi
Kampus: Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB) UiTM Cawangan Kedah



Merbok, 25 Mei 2025 – Program SULAM Antarabangsa ini dianjurkan sebagai inisiatif untuk memupuk semangat kerjasama serantau dan memperkukuh hubungan akademik antara institusi pengajian tinggi di Malaysia dan Indonesia. Ia merupakan satu platform yang menggalakkan perkongsian ilmu dan kemahiran maklumat antara mahasiswa Diploma Informatik Perpustakaan, UiTM Cawangan Kedah dan mahasiswa dari Universitas Airlangga (UNAIR), Indonesia. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB) yang menyediakan khidmat nasihat, kemudahan dan sokongan logistik sepanjang program berlangsung.

Program ini dirancang dengan dwi-objektif utama, iaitu untuk memperkasa pembangunan kemahiran para pelajar Sains Maklumat UiTM Kedah sambil memberi manfaat secara langsung kepada komuniti setempat. Sebagai sebahagian daripada keperluan teras kursus IML301 (Library Outreach), program ini memberi peluang keemasan kepada para pelajar Diploma Informatik Perpustakaan semester lima untuk mengaplikasikan teori pembelajaran kepada situasi dunia sebenar. Melalui penganjuran aktiviti ini, mereka dapat mewujudkan kemahiran praktikal dalam merancang dan melaksanakan program, sekali gus memperoleh budaya pembelajaran yang lebih efektif di luar bilik kuliah.

Serentak dengan itu, program ini berfungsi sebagai jambatan ilmu antara universiti dan masyarakat. Objektif utamanya adalah untuk mempromosikan sumber maklumat, perkhidmatan, dan fasiliti yang terdapat di Perpustakaan Sultan Badlishah secara meluas. Melalui aktiviti fizikal dan hands-on yang dijalankan, ia bukan sahaja bertujuan untuk membangunkan kemahiran maklumat dan pengetahuan masyarakat, tetapi juga memastikan impak yang bermanfaat dan berkesan dapat dirasai oleh semua pihak yang terlibat. Justeru, pelaksanaan program ini secara holistik memenuhi matlamat akademik pelajar di samping mengukuhkan peranan universiti sebagai agen penyebaran ilmu kepada masyarakat.

Program SULAM Antarabangsa: Perkongsian Ilmu dan Kemahiran Maklumat Antara Mahasiswa Diploma Informatik Perpustakaan, Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kedah dan Universitas Airlangga (UNAIR) Indonesia, dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah dilaksanakan pada 25 Mei 2025 dan disertai oleh 30 orang pelajar Diploma Informatik Perpustakaan (CDIMI44), 28 orang Pelajar Fakultas Vokasi, Universitas Airlangga serta seorang pensyarah penasihat UiTM iaitu Puan Nordibradini Binti Selamat.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my